From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 21 July, 2022 8:18:55 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MAYANG SARI BISTRO KEMBALI BEROPERASI

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

21 JULAI 2022 / 21 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

MAYANG SARI BISTRO KEMBALI BEROPERASI

















UUM ONLINE: Atas permintaan ramai, Mayang Sari Bistro sebuah restoran ala-carte yang popular di kalangan warga kampus kini dibuka semula pada bulan ini.

Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah berkata, pihaknya sentiasa berusaha melonjakkkan nama baik universiti termasuk menghidupkan kembali Mayang Sari Bistro agar dapat dinikmati seluruh warga kampus.

“Setelah dua tahun ditutup, Mayang Sari Bistro, EDC-UUM kembali berfungsi menjalankan tugasnya.

“Mayang Sari Bistro sebahagian daripada inisiatif kita, inilah bistro kita, kalau kita selalu cerita indahnya, cantiknya tempat orang marilah kita cerita bistro kita dan sentiasa bangga dengan apa yang kita miliki,” ujarnya.

Beliau berpesan supaya EDC-UUM dapat meningkatkan usaha mempromosikan restoran ini bukan sahaja dalam kalangan warga universiti malah kepada masyarakat di luar sana.

“Kita ada 23,000 pelanggan yang berpotensi jadi mulakan dengan kadar bersesuaian dan membuat perbandingan harga dengan kedai sekitar, biarlah harga setara dengan mereka supaya dapat menarik seramai mungkin pelajar, warga kampus dan masyarakat sekitar,” ucapnya di Majlis Pembukaan Semula Mayang Sari Bistro, EDC-UUM, semalam.

Beliau turut optimis EDC-UUM di bawah kepimpinan Pengurus Operasi, Ahmad Fauzi Zainal Abidin dan kakitangan dapat memberikan komitmen tinggi dengan kesungguhan yang jitu dalam menjayakan hala tuju yang ditetapkan.

“Saya berharap agar EDC-UUM dapat memberikan keutamaan kepada kualiti makanan yang dipersembahkan, layanan kepada para pelanggan dan harga berpatutan yang memikat pelanggan.

Beliau turut menyeru staf di bidang hospitaliti ini dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua pelanggan.

Mayang Sari Bistro yang mula beroperasi pada 2013 amat popular dalam kalangan kakitangan UUM dan para pelajar bukan sahaja kerana ia restoran yang menyajikan makanan yang berkualiti dengan layanan perkhidmatan yang baik malah menawarkan suasana yang selesa.

Mayang Sari amat sesuai dijadikan tempat mengadakan majlis keraian seperti sambutan hari jadi, sambutan ulang tahun dan majlis apresiasi.

Ianya juga sering dikunjungi oleh masyarakat luar khususnya penduduk di sekitar Sintok dan Changlun untuk membawa ahli keluarga menikmati hidangan sambil bersantai bersama keluarga masing-masing.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut dan tempahan boleh menghubungi EDC-UUM, di talian 04-928 8888.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.